

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

AAW315 - PERCUKAIAN I

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA BELAS (12)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Encik Md. Sani adalah seorang pengarah urusan di sebuah syarikat terkawal. Butir-butir mengenai pendapatan beliau untuk tahun berakhir pada 31 Disember 1997 adalah seperti berikut:

Gaji	RM3,000.00 (sebulan)
Bonus	RM9,000.00 (setahun)
Elaun perjalanan	RM2,500.00 (sebulan)
Bil elektrik dan air dibayar oleh syarikat	RM75.00 (sebulan - purata)
Amah dibayar oleh syarikat	RM350.00 (sebulan)
Tukang kebun dibayar oleh syarikat	RM350.00 (sebulan)
Benafaat perubatan dibayar oleh syarikat	RM800.00 (sebulan- purata)
Elaun kerian	RM800.00 (sebulan)
Tempat kediaman - nilai tetap	RM1,000.00 (sebulan)
Pemandu dibayar oleh syarikat	RM500.00 (sebulan)

Pendapatan-pendapatan lain:

Dividen Malaysia (bersih)	RM2,160.00
Dividen - Hong Kong	RM1,000.00
- RM500.00 dikirimkan	
Faedah simpanan tetap 15 bulan	RM4,000.00
Pendapatan sewa	
- Rumah di Ipoh - mula disewakan pada 1 Jun 1997	RM500.00 (sebulan)
Rumah di Taiping	Tiada sewa diterima

...2/-

Pendapatan perniagaan

- pendapatan dilaraskan	RM25,000.00
- elaun modal	RM2,400.00

Sumber pendapatan isteri bagi 1997 ialah:

Komisyen sebagai penjual separuh masa	RM20,000.00
Ganjaran bagi menterjemah buku	RM12,000.00

Maklumat tambahan:

- (i) Hanya 2/3 sahaja dari elaun perjalanan digunakan untuk tugas rasmi.
- (ii) Bil elektrik dan air yang dibayar oleh majikan tidak mencukupi dan Encik Md. Sani terpaksa membelanjakan RM15.00 sebulan sebagai tambahan kepada manfaat yang diberikan.
- (iii) Encik Md. Sani telah mengaji seorang lagi tukang kebun dengan membayar RM350.00 sebulan kerana tukang kebun yang sedia ada tidak melaksanakan kerja sepenuhnya.
- (iv) Perbelanjaan keraian yang dibuat untuk tujuan rasmi telah melebihi elaun yang diberikan dengan sebanyak RM100.00 sebulan.
- (v) Tempat kediaman yang disediakan oleh majikan adalah termasuk perabut bernilai RM200.00 sebulan.
- (vi) Dividen Malaysia yang beliau terima adalah daripada sebuah syarikat yang bermastautin. Beliau telah membuat pinjaman overdraf bank bagi membiayai pelaburan tersebut sepenuhnya. Untuk tempoh berkenaan beliau telah membayar bunga atas pinjaman overdraf bank sebanyak RM1,800.00.
- (vii) Kerugian perniagaan tahun 1996 bawa ke hadapan berjumlah RM1,500.00.
- (viii) Elaun modal bagi perniagaan tersebut adalah berkaitan dengan sebuah kereta yang digunakan dalam perniagaan berkenaan. 2/3 sahaja daripada kegunaan kereta itu adalah untuk urusan perniagaan.

- (ix) Encik Md. Sani telah membuat tuntutan berikut bagi perbelanjaan rumah:

	<u>Rumah di Ipoh</u>	<u>Rumah di Taiping</u>
Cukai pintu (tahunan)	RM600.00	RM 800.00
Kadar taksiran (tahunan)	RM480.00	RM 600.00
Ubahsuai dinding untuk memasang alat hawa dingin	-	RM3,000.00
Membaiki pintu yang rosak	-	RM 200.00
Iklan bagi penyewa pertama	RM500.00	-

- (x) Bagi tahun 1997, adik Encik Sani duduk di rumahnya di Taiping tanpa membayar sewa kecuali menjelaskan kadar taksiran sedangkan Encik Sani duduk di rumahnya sendiri di Pulau Pinang. Nilai kadar rumah di Taiping ialah RM12,000.

- (xi) Isterinya telah mengeluarkan perbelanjaan berikut dalam 1997:

Belanja keraian bagi pelanggannya	RM3,500.00
Belanja lain dibenarkan (S34)	RM2,000.00

- (xii) Encik Sani dan isteri mempunyai 3 orang anak:

- (1) Anak pertamanya berumur 23 tahun sedang belajar di USM. Encik Sani menanggung perbelanjaannya sebanyak RM6,000 setahun.
- (2) Anak keduanya berumur 21 tahun sedang belajar di London University, England. Dalam tahun 1997 anak ini telah kahwin tetapi isteri Encik Sani masih menanggung sebanyak RM5,000 bagi perbelanjaannya di England dalam 1997.
- (3) Anak ketiganya berumur 17 sedang belajar di MCKK Kuala Kangsar adalah seorang yang tidak berupaya anggota. Dalam 1997 Encik Sani membeli alat sokongan baginya dengan kos RM6,000.

- (xiii) Dalam 1997 premium insuran dan KWSP yang dibayar ialah:

	<u>Premium insuran</u>	<u>Jenis insuran</u>
Encik Sani	RM3,500.00	Nyawa
	RM3,000.00	Kemalangan
Isteri	RM3,000.00	Nyawa
	RM2,000.00	Kemalangan
Anak ketiga	RM3,000.00	Nyawa
	RM2,000.00	Kemalangan

KWSP

Encik Sani RM2,500.00
Isteri

Dikehendaki:

Kirakan pendapatan bercukai Encik Sani dan isterinya untuk tahun taksiran 1998 dengan andaian bahawa isterinya tidak memilih taksiran bergabung.

[18 markah]

2. Alata Bhd., sebuah syarikat pengilangan, menyediakan akaunnya sehingga 30 September setiap tahun. Akaun untung ruginya bagi tahun berakhir 30 September 1997 ialah:

	<u>Nota</u>	<u>RM000</u>	<u>RM000</u>
Jualan			81,250
Tolak: kos jualan	a		28,440
Untung kasar			<u>52,810</u>
Tolak: pengangkutan dan insuran	b	5,960	
royalti	c	1,625	
kerugian penukaran wang asing	d	216	
gaji, upah dan KWSP	e	9,305	
kebajikan kakitangan	f	120	
pentadbiran pejabat	g	808	
yuran ikhtisas	h	200	
pamiran dagangan luar negeri	i	60	
belanja guaman	j	10	
leasing kenderaan dan			
alat pejabat	k	228	
pembaikan	l	264	
penyelidikan dan pembangunan	m	200	
peruntukan hutang lapuk	n	80	
belanja pelbagai	o	200	
susutnilai	p	1,600	(20,876)
			<u>31,934</u>

...5/-

AAW315

Pendapatan lain:			
keuntungan jualan aset tetap	40		
bunga	72		
dividen	q	448	560
		—	—
Untung sebelum cukai		32,494	
Cukai dan cukai tertunda		(14,000)	
		—	—
Untung selepas cukai	18,494		
Item luar biasa	r	(2,530)	
		—	—
Untung tertahan		15,964	
		====	

Nota:

- (a) Stok akhir adalah seperti berikut:

	<u>1997</u>	<u>1996</u>
	RM	RM
Bahan gelas	1,000,000	960,000
Produk perubatan	640,000	320,000
Lain-lain	3,980,000	3,080,000
	5,620,000	4,360,000
	=====	=====

Semua stok dinilai pada kos kecuali bahan gelas dan produk perubatan yang dinilai pada kos tolak rezab 10%.

- (b) Alata Bhd. membayar Naka Bhd. premium sebanyak RM40,000 untuk insurans barang yang diimpot dan RM30,000 untuk insuran barang dalam transit dari Pelabuhan Kelang ke kilangnya. Naka Bhd. adalah syarikat insurans yang ditubuhkan di Malaysia.
- (c) Royalti pada 2% jualan kasar telah dibayar kepada Amex Inc., sebuah syarikat Amerika, pada 1997 tetapi cukai pegangan di bawah S107 telah ditinggalkan.
- (d) Kerugian penukaran wang asing adalah seperti berikut:

	RM000
Keuntung belum realis (niaga)	(60)
Kerugian realis (niaga)	96
Kerugian realis (bayaran terhadap pinjaman)	100
Kerugian belum realis (niaga)	80
	216
	==

- (e) Pengarah eksekutif yang lalai itu diminta meletak jawatan dan Alata Bhd. membayar RM200,000 sebagai gantirugi dalam 4 ansuran kepadanya. Ansuran pertama sebanyak RM50,000 telah dibayar pada tahun 1997. Gaji, upah dan KWSP meliputi gaji dua orang pekerja yang cacat sebanyak RM30,000 dan juga 3 bulan bonus tahunan sebanyak RM1,854,000.
- (f) Belanja kebajikan kakitangan termasuk juga yuran kelab golf pengarah pengurusan:

Yuran masuk	RM40,000
Yuran ahli	RM10,000

- (g) Belanja pentadbiran pejabat meliputi perbelanjaan pengiklanan di dalam Malaysia sebanyak RM30,000 yang memenuhi kriteria insentif bagi memajukan jenama tempatan.

- (h) Termasuk dalam yuran ikhtisas ialah:

	RM000
Pendaftaran tanda niaga baru	14
Pembaharuan tanda niaga	8
Yuran guaman bagi pengeluaran debentur	50
Yuran guaman mempertahankan kelewatian menghantar barang	24
Pelawaan kakitangan baru	30
Belanja rayuan cukai	54

- (i) Amaun yang dibelanjakan telah dipersetujui oleh LHDN (Lembaga Hasil Dalam Negeri).
- (j) Alata Bhd. telah dicaj oleh mahkamah kerana mengelak duti kastam mengenai barang yang diimpot dan didapati bersalah. Denda sebanyak RM8,000 dikenakan dan kos guaman yang terlibat ialah RM2,000.

- (k) Alata Bhd. telah menyewa (lease) 3 kereta bagi eksekutif:

<u>Kereta</u>	<u>Tarikh mula</u>	<u>Jumlah sebulan</u>	<u>Tempoh</u>
Volvo	September 1997	RM8,000	12 bulan
BMW	Oktober 1997	RM5,000	11 bulan
Audi	Januari 1997	RM3,000	10 bulan

(l) Pembaikan yang dijalankan meliputi:

	RM'000
Mengganti alat kecil	20
Mengganti pintu kayu dengan pintu besi	30
Pembaikan permulaan	60
Mengganti tingkat gelas yang rosak dan mengecat semula pejabat	25

- (m) RM400,000 dibelanjakan dalam perlaksanaan projek penyelidikan untuk mencipta suatu produk baru. Projek penyelidikan ini telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Alata Bhd. menghapuskan belanja ini dalam dua tahun kewangan.
- (n) Baki permulaan dalam akaun Peruntukan Hutang Lapuk ialah RM760,000 (Am: RM400,000; Khusus: RM360,000). Pada tahun 1997, peruntukan sebanyak RM60,000 telah dibuat berhubung dengan pelanggan yang mungkin muflis. Hutang sebanyak RM30,000 yang telah dimansuhkan tahun lalu telah dipulihkan pada 1997. Baki akhir akaun Peruntukan Hutang Lapuk ialah RM810,000 (Am: RM420,000; Khusus: RM390,000). Semua catatan di dalam akaun ini adalah hutang niaga.
- (o) Belanja pelbagai adalah seperti berikut:

	RM'000
Sekatan dinding bagi pejabat eksekutif	80
Sekatan mudah alih bagi bahagian kewangan dan pemasaran	120

- (p) Aset modal Alata Bhd. pada 30 September 1997 adalah seperti berikut:

	<u>Kos</u> RM'000	<u>Kadar elauan tahunan</u> %
Tanah pegangan	800	Tiada
Bangunan perindustrian	600	2
Jentera dan mesin	1,680	10
Kereta dagangan	160	20

Pada tahun 1997 tiada aset diperolehi. Mesin dengan kos RM240,000 dan nilai buku bersih RM80,000 telah dijual dengan harga RM120,000. Baki perbelanjaan mesin tersebut ialah RM100,000.

- (q) Dividen yang diterima ialah:

	<u>Tarikh</u>	<u>Amaun</u>
Usaha Bhd. - dividen kasar	30.10.96	RM216,000
Image Bhd. - dividen kasar	30.6.97	RM144,000
Inti Bhd. - dividen perintis	30.9.97	RM 88,000

- (r) Item luar biasa meliputi:

- (1) RM2 juta untuk mencegah pertubuhan sebuah syarikat yang akan bersaing dengan Alata Bhd.
- (2) Bayaran sebanyak RM160,000 kepada sebuah syarikat pesaing supaya ia tidak melesenkan teknologinya di Malaysia.
- (3) Ganti rugi sebanyak RM160,000 dibayar kepada pelanggan kerana lewat menghantar barang.

- (s) Alata Bhd. mempunyai kerugian perniagaan sebanyak RM60,000 dan elau modal sebanyak RM140,000 yang dibawa dari tahun taksiran 1997.

- (t) Baki akaun S.108 Alata Bhd. pada 1.1.1997 ialah RM500,000 dan dividen kasar yang diistiharkan oleh Alata Bhd. bagi tahun berakhir 30.9.1997 ialah RM50,000.

Dikehendaki:

- (i) Kirakan cukai yang kena dibayar oleh Alata Bhd. bagi tahun taksiran 1998 dengan memberi alasan bagi setiap item dalam nota di atas.
- (ii) Tentukan baki akaun S.108 Alata Bhd. pada 31.12.1997.

[28 markah]

...9/-

3. Kilang Mewa Sdn. Bhd. (KMSB) telah terlibat dalam pengilangan kipas angin semenjak 1987 dan menyiapkan akaun-akaunnya sehingga 31 Oktober setiap tahun. Ekuiti sahamnya sebanyak 6 juta saham adalah dimiliki oleh Samay Bhd. (3.2 juta saham), Encik Idris (2 juta saham) dan Encik Lim (800,000 saham).

Pada 1.7.1997 aset berikut diperolehi oleh KMSB daripada Samay Bhd. (tahun perakaunan berakhir 31 Disember) untuk digunakan di dalam perniagaan:

<u>Aset</u>	<u>Kadar elauan tahunan</u>	<u>Kos asal</u>	<u>Baki perbelanjaan pada 1.1.1997</u>
		RM	RM
Perabot dan lekapan	8%	3,000,000	440,000
Alat pejabat	12%	1,600,000	172,000
Kereta	16%	300,000	-
Mesin A	10%	4,000,000	700,000

KMSB juga memperolehi aset berikut untuk digunakan dalam perniagaannya daripada sebuah syarikat bersekutu di Fiji:

<u>Aset</u>	<u>Tarikh perolehan</u>	<u>Kos</u> RM	<u>Nilai buku bersih pada perolehan</u>	<u>Nilai pasaran pada perolehan</u>
			RM	RM
Mesin B	2.6.1997	2,000,000	1,500,000	2,200,000
Mesin C	15.8.1997	1,300,000	1,000,000	820,000

Kadar elauan tahun bagi mesin B dan mesin C ialah 10%.

Dikehendaki:

Kirakan elauan modal yang dapat dituntut oleh KMSB bagi tahun taksiran 1998. Nyatakan alasan bagi pengiraan anda.

[15 markah]

4. Layar Bhd. mengendalikan perniagaan penyelenggaraan dan pembaikan kapal dan menyewakan tempat gudang kepada orang ramai. Layar Bhd. mengenakan perbelanjaan modal berikut bagi tahun berakhir 31 Disember 1996 dan 1997:
- (i) Sebuah tangki minyak yang berharga RM60,000 telah dibeli dan didirikan dalam Disember 1996. Kos menyediakan tapak untuk mendirikan tangki tersebut ialah RM6,000.

...10/-

- (ii) Sebuah mesin yang berharga RM120,000 telah dibeli di dalam bulan Disember 1996 dan didirikan atas tapak dalam bulan Januari 1997. Layar Bhd. membelanjakan RM400,000 untuk meratakan tanah untuk mendirikan mesin tersebut.
- (iii) Layar Bhd. mula membina sebuah gudang baru di dalam bulan Februari 1996. Ia siap dibina di dalam bulan November 1997 dan terus digunakan. Kos untuk pembinaan gudang ini di dalam tahun 1996 dan 1997 ialah RM1,000,000 dan RM5,000,000 masing-masing. 1/5 gudang tersebut digunakan sebagai pejabat.
- (iv) Sebuah pembekal kuasa dengan kos RM140,000 dibina di dalam bulan Jun 1997 dalam kawasan Layar Bhd. Tapak disediakan untuk mendirikan pembekal kuasa tersebut. Kos persediaan tapak tersebut ialah RM20,000.
- (v) Layar Bhd. membeli sebuah lori dengan kos RM400,000 di dalam bulan April 1996 melalui cara sewabeli. Layar Bhd. diberi 90% sumber kewangan dengan kadar bunga 7% dan perlu menjelaskan dengan 36 bayaran ansuran bulanan. Ansuran pertama bermula pada bulan May 1996.
- (vi) Layar Bhd. membeli sebuah kereta volvo bagi seorang eksekutifnya pada bulan Ogos 1996. Harga volvo tersebut ialah RM220,000 tetapi ia telah dijual pada bulan Disember 1997 dengan harga RM140,000 dan sebuah Mercedes-Benz dibeli dengan harga RM400,000.

Kadar elauan modal ialah:

Lori	20%
Kereta	16%
Jentera mesin	10%

Dikehendaki:

Kirakan elauan modal dan elauan/caj imbangan Layar Bhd. bagi tahun taksiran 1997 dan 1998 bagi perbelanjaan modal (i) hingga (vi) di atas.

[13 markah]

...11/-

5. Ahmad dan Bala mengendalikan perniagaan perkongsiannya dengan nama Ahmad Bala & Rakan. Akaun perkongsian tersebut disiapkan sehingga 30 September setiap tahun. Syarat-syarat perkongsian adalah seperti berikut:

- (a) Ahmad dan Bala dibayar gaji sebanyak RM6,000 dan RM4,500 sebulan masing-masing.
- (b) Bunga bagi modal dibayar pada kadar 10% setahun. Ahmad dan Bala menyumbang modal sebanyak RM450,000 masing-masing.
- (c) Nisbah pembahagian untung rugi bagi tempoh 1.10.1995 hingga 30.9.1996 ialah Ahmad 3/4 dan Bala 1/4.

Pada 1.10.1996, Chong menyertai perkongsian tersebut dengan menyumbangkan modal sebanyak RM600,000 dan tarikh perakaunan perniagaan perkongsian ditukar ke 31 Disember.

Nisbah pembahagian untung rugi serta syarat perkongsian ditukar mulai 1.10.1996 seperti berikut:

- (a) Gaji sebanyak RM6,000 sebulan dibayar kepada setiap rakan kongsi.
- (b) Bunga pada kadar 10% setahun dibayar kepada setiap rakan kongsi.
- (c) Nisbah pembahagian untung rugi setiap rakan kongsi ialah 1/3 bermula dari 1.10.1996.

Pendapatan larasan sementara dan elauan modal bagi perniagaan perkongsian tersebut ialah:

<u>Tempoh</u>	<u>Pendapatan larasan sementara</u>	<u>Elaun modal</u>
1.10.1995 - 30.9.1996	RM600,000	RM75,000
1.10.1996 - 31.12.1996	RM90,000	-
1.1.1997 - 31.12.1997	RM750,000	RM120,000

Dikehendaki:

- (i) Nyatakan tempoh asas bagi setiap rakan kongsi untuk tahun taksiran 1997 dan tahun taksiran 1998.

- (ii) Kirakan pendapatan larasan dan pendapatan berkanun setiap rakan kongsi bagi tahun taksiran 1997 dan tahun taksiran 1998.
- [16 markah]
6. (a) Beri 5 contoh di mana potongan dua kali diberikan kepada belanja perniagaan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.
- (b) Beri 5 contoh di mana cukai pegangan dikenakan.

[10 markah]

---ooo000ooo---